

09/08/1998

PM puji sikap pekerja

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghargai sikap pekerja di negara ini yang lebih tertib dalam menghadapi kegawatan ekonomi negara termasuk tidak melancarkan mogok.

Perdana Menteri berkata, dalam pertemuannya dengan pemimpin Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) kelmarin, beliau mengucapkan terima kasih kepada pekerja kerana memahami masalah yang dihadapi ketika ini serta tidak membuat tuntutan gaji.

"Dalam kegawatan ini, pekerja tidak menimbulkan masalah," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung MIC Ke-52 di sini, semalam.

Di majlis itu juga, Dr Mahathir turut melancarkan sebuah buku mengenai dirinya bertajuk "Dr Mahathir: Nadi Penggerak Bangsa" yang disumbangkan oleh MIC.

Dalam perbincangan itu, Dr Mahathir turut menjelaskan mengenai langkah yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan pendapatan pekerja tanpa menggunakan cara Barat yang kolot seperti mengadakan mogok.

Bagaimanapun, katanya, usaha itu agak terjejas berikutan serangan terhadap mata wang negara.

Beliau berkata, kerajaan berhasrat membantu menaikkan pendapatan rakyat sehingga mencapai purata RM1,200.

Antaranya ialah dengan menambah lebih banyak peluang pekerjaan supaya majikan boleh menawarkan gaji tinggi berikutan terlalu banyak permintaan bagi mendapatkan pekerja, meningkatkan pengeluaran dan meningkatkan pelaburan dalam penggunaan jentera dan mesin.

"Ini bukan dilakukan dengan serta-merta tetapi berperingkat. Bagaimanapun, serangan spekulator mata wang menjejaskan rancangan ini," katanya.

(END)